

Nilai Masa

Wang Ringgit Kita



Bersama Carol Yip, kita ketahui apakah nilai masa mata wang kita dan mengetahui serba sedikit tentang prinsip-prinsip sihat dalam pengurusan wang.

Diterjemahkan oleh Eda Yuhani



Carol Yip merupakan seorang pembimbing dan perancang kewangan yang berpengalaman. Beliau sering menawarkan program pendidikan yang berkaitan pengurusan wang kepada masyarakat umum.

Apakah nilai masa wang (TVM-Time Value of Money)?

Pemahkah anda mengalami situasi di mana anda perlu membayar lebih untuk sesuatu barangan yang sama pada masa yang berlainan? Jika anda perlu membayar lebih untuk membeli barangan keperluan harian ataupun barangan yang anda ingini, ini menunjukkan nilai wang telah merosot.

Kesan kadar inflasi terhadap wang anda

Nilai RM 1 pada hari ini adalah tidak sama dengan nilai RM 1 pada masa hadapan.

Kenapa ini terjadi?

Ini adalah kerana berlakunya inflasi - kenaikan pada harga barangan atau perkhidmatan yang digunakan. Kadar kenaikan harga (%) dikenali sebagai kadar inflasi. Inflasi mengurangkan kuasa beli wang kita.

Kadar Inflasi

Apakah perbezaan di antara kadar inflasi ekonomi yang dinyatakan oleh kerajaan dengan kadar inflasi peribadi? Kadar inflasi ekonomi seperti yang dilaporkan oleh kerajaan adalah indeks yang dikira berdasarkan barangan dan perkhidmatan yang digunakan oleh orang ramai secara amnya. Barangan dan perkhidmatan yang termasuk dalam pengiraan adalah terdiri daripada petrol, beras, gula, tepung dan sebagainya.

Kadar inflasi peribadi pula adalah dikira berdasarkan barangan dan perkhidmatan yang digunakan oleh individu tertentu sahaja. Sebagai contoh, pakaian, barangan makanan dan keperluan harian, tempat percutian dan sebagainya. Barangan dan perkhidmatan yang termasuk dalam pengiraan kadar inflasi peribadi adalah tidak sama dengan yang terdapat di dalam senarai pengiraan kerajaan kerana setiap individu menggunakan barangan dan perkhidmatan yang berlainan.

Peraturan 72

Peraturan 72 membantu mengira tempoh masa di mana nilai wang anda akan merosot sebanyak separuh daripada nilainya pada hari ini, bergantung kepada kadar inflasi atau kadar faedah.

Soal Jawab

Bagaimanakah caranya untuk mengira kadar inflasi peribadi?

Sila rujuk kepada penyata aliran tunai anda setiap bulan dan semak peratus kenaikan harga barangan yang anda beli setiap bulan.

Sebagai contoh, jika harga barangan yang biasa dibeli setiap bulan meningkat sebanyak 10% secara purata, ini menunjukkan kadar inflasi peribadi anda juga telah meningkat sebanyak 10%.

Mengapa penting untuk mengetahui kadar inflasi peribadi?

Agar anda dapat mengawal dan menguruskan perbelanjaan anda dengan bijak bagi mengelakkan perbelanjaan berlebihan. Kadar inflasi peribadi anda juga menunjukkan gaya hidup anda.

Bagaimanakah kadar inflasi peribadi boleh memberi kesan pada nilai wang untuk suatu jangka masa tertentu?

Semakin tinggi kadar inflasi peribadi anda, semakin cepat nilai wang anda akan berkurangan kepada separuh. Contoh: Jika kadar inflasi ialah 4%, kuasa beli untuk RM1 pada hari ini cuma bernilai 50 sen dalam masa 18 tahun. (72 dibahagi dengan 4% = 18 tahun) – Gunakan Peraturan 72

Berdasarkan contoh di atas, nilai wang yang berada di dalam simpanan anda akan berkurangan sehingga separuh dalam masa 18 tahun, jika kadar inflasi peribadi anda ialah 4%.

Apakah yang akan terjadi jika kadar inflasi peribadi anda meningkat daripada 4% kepada 10%?

Apabila kadar inflasi peribadi anda meningkat kepada 10%, nilai wang yang berada di dalam simpanan anda akan berkurangan sehingga separuh dalam masa 7.2 tahun sahaja! (72 dibahagi dengan 10% = 7.2 tahun)

Gaya hidup mewah boleh menjadi punca meningkatnya kadar inflasi peribadi anda. Sebagai seorang yang bijak mengendalikan wang, anda perlu sentiasa mengawal perbelanjaan anda pada setiap masa!

Prinsip-prinsip kewangan yang baik

- 1 Menjalani gaya hidup mengikut kemampuan
- 2 Berbelanja kurang daripada pendapatan

- 3 Jadikan menyimpan keutamaan anda
- 4 Jadikan kuasa faedah sebagai kebaikan untuk anda
- 5 Berdisiplin dalam menguruskan wang anda
- 6 Jangan menggunakan kad kredit atau meminjam ketika berbelanja kecuali anda mempunyai wang untuk membayar hutang secepat mungkin
- 7 Membeli barangan keperluan dan bukan barangan yang anda inginkan
- 8 Sentiasa berwaspada terhadap kadar inflasi
- 9 Lakukan perbandingan harga barangan sebelum membelinya
- 10 Sentiasa merancang perbelanjaan anda. Ini untuk mengelakkan anda berbelanja mengikut perasaan
- 11 Sentiasa berfikir sebelum membeli sesuatu barang, fikirkan kebaikan dan keburukan membelinya
- 12 Jangan membeli barangan yang tidak mampu anda beli
- 13 Jangan biarkan kawan atau keluarga mempengaruhi anda supaya membeli barangan yang tidak diperlukan
- 14 Jangan mudah terpengaruh oleh iklan, internet, radio, TV ataupun gaya terkini dan teknologi yang akan menyebabkan anda membeli sesuatu yang tidak diperlukan
- 15 Jika anda mempunyai hobi, pastikan anda tidak berbelanja lebih daripada kemampuan untuk hobi tersebut
- 16 Sentiasa mengemas barangan peribadi anda dan jika boleh:
 - Guna semula barangan tersebut (jika masih boleh digunakan)
 - Jual barangan anda sebagai barangan terpakai
 - Dermakan barangan yang anda tidak perlukan kepada persatuan amal

Anda perlu bermula dari sekarang dan rancanglah kewangan anda untuk masa depan. Lebih baik bermula merancang ketika anda masih muda daripada menyesal apabila tua nanti! 🗣️



Maklumat dipetik daripada buku **Smart Money-User**, karangan **Carol Yip**.